



**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI KPKM
DAN SAMBUTAN MESRA AIDILFITRI 2024**

**2 MEI 2024 (KHAMIS)
11.00 PAGI
DEWAN D, MAEPS SERDANG**

**Sirih berlipat sirih pinang,
Sirih pemanis Pulau Mutiara,
Pemanis kata Selamat Datang,
Awal Bismillah pembuka bicara.**

Assalammualaikum warahmatullah hi wabarakatuh, Salam Perpaduan, Salam Madani dan Salam Cukup & Terjamin.

[SALUTASI – SILA RUJUK DI LAMPIRAN]

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya — kita semua telah berpeluang memenuhi tuntutan puasa di bulan Ramadan dan hari ini, kita dapat meraikan Syawal dengan penuh kesederhanaan.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis kita pada pagi ini.
3. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Datuk KSU, Datuk-Datuk TKSU, Pengurusan Tertinggi KPKM, para pegawai dan kakitangan serta semua yang terlibat dalam rantai industri pertanian dan keterjaminan makanan, kerana telah dapat

memastikan bekalan makanan di sepanjang bulan Ramadan dan Syawal tahun ini terus mencukupi untuk kegunaan rakyat di negara ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua.

SOLIDARITI KEPADA PALESTIN

4. Namun begitu, dalam keghairahan kita menyambut “ALAMAK RAYA” — janganlah kita semua lupa pada nasib saudara kita di Palestin yang sedang diuji dengan peperangan, kesusahan dan juga kelaparan.
5. Sebab itulah saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan juga kepada semua, supaya pada tahun ini, kita raikanlah Syawal dengan penuh kesederhanaan, sebagai tanda solidariti kita kepada Palestin, dan juga kepada negara-negara lain yang sedang diuji dengan kesusahan dan kelaparan.
6. Saya amat sedih apabila mendengar lebih 12,000 tan makanan dibuang setiap hari di negara ini, sedangkan kita sering diingatkan bahawa “membazir itu amalan syaitan”. Justeru mulai sekarang, marilah sama-sama kita berazam

supaya amalan pembaziran ini tidak diteruskan dalam kehidupan seharian kita.

SELAMAT HARI PEKERJA

7. Semalam kita semua telah meraikan Hari Pekerja. Saya yakin, semua yang ada di sini ternanti-nanti amanat yang akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri semalam.
8. Alhamdulillah semalam YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam dan dalam masa yang sama, YAB Perdana Menteri — Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menegaskan, bahawa Kerajaan Perpaduan hari ini sesekali tidak akan pernah melupakan kebajikan pekerja di sektor-sektor lain. Misalnya sebelum ini Kerajaan telah menaikkan **Skim Subsidi Harga Padi** daripada RM360 kepada RM500 per tan metrik dan **harga rantai belian padi** daripada RM1,200 kepada RM1,300 per tan.
9. Walaupun sekarang ini bebanan hutang yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan begitu tinggi, namun Kerajaan Madani pada hari ini akan terus komited untuk memastikan kebajikan setiap rakyat akan terus dibela dan dibantu.

10. Segala usaha yang sedang digerakkan oleh Kerajaan dan juga Kementerian tentulah tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada kakitangan awam dan juga sektor swasta.

11. Alhamdulillah saya lihat sejak Kerajaan Perpaduan diberi kepercayaan untuk memimpin negara ini, kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh kakitangan awam dan swasta di negara ini semakin baik dari hari ke hari. Kerjasama dan kepercayaan yang baik inilah, yang akan mengembalikan semula kegemilangan negara kita, insya-Allah.

**PELAN INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN
AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)**

12. Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan semua tentang **halatuju dan fokus KPKM yang perlu dicapai bagi tahun 2024 melalui inisiatif PELAN INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)** yang telah kita gariskan pada awal tahun ini.

13. Ada 5 teras yang telah ditetapkan supaya usaha kita untuk memastikan sektor pertanian dan keterjaminan makanan terus mampan dan berjaya akan dapat dilaksanakan.
14. 5 teras itu ialah yang pertama - KPKM perlu fokus kepada **penambaihan infrastruktur** kepada sektor ini seperti isu pengairan untuk padi, isu infrastruktur untuk penternakan dan tanaman.
15. Teras yang kedua adalah memastikan **tatakelola** Kementerian ini akan sentiasa berada di tahap yang terbaik dan segala elemen ketirisan serta pembaziran akan dapat dielakkan supaya dana rakyat dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menjaga kebajikan golongan sasaran Kementerian ini.
16. Teras yang ketiga adalah kita perlu fokus kepada **Research And Development (RND)**. Misalnya varieti padi yang tahan kemarau perlu diperluaskan penggunaannya di dalam negara untuk memastikan pengeluaran beras tidak terjejas di dalam cabaran perubahan iklim yang sedang melanda dunia ketika ini dan pada masa yang akan datang.

17. Teras yang ke 4 adalah kita perlu meneroka dan mempergiatkan **penggunaan teknologi baru** dalam pertanian seperti teknologi Ai (Artificial Intelligence). Kerjasama dengan pihak swasta serta syarikat pemula wajar diteroka supaya produktiviti dan pengeluaran makanan dapat dipertingkatkan serta kos pengeluaran dapat dijimatkan.

18. Teras yang ke 5 adalah Kementerian ini perlu menjalinkan **kolaborasi (kerjasama)** yang jitu samada di peringkat dalaman Kementerian ataupun di luar Kementerian. Pada saya, hanya dengan **semangat kerja berpasukan** yang jitu dapat memudahkan segala urusan seharian kita seperti kata pepatah, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

19. Justeru saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap warga KPKM. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

MENGURANGKAN JURANG IMPORT DAN EKSPORT AGROMAKANAN

20. Alhamdulillah sektor agromakanan telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila pertumbuhan agromakanan dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan pada tahun 2023 telah **meningkat 4.3 peratus** kepada RM181.4 bilion berbanding RM173.9 bilion pada tahun 2022.
21. Sektor agromakanan telah memberikan **sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) iaitu 11.6 peratus**. Walau bagaimanapun, kita masih berhadapan cabaran untuk mengurangkan jurang antara import dan eksport agromakanan kita.
22. Nilai import agromakanan negara kita pada tahun 2023 adalah RM78.7 billion, sedangkan nilai eksport kita adalah sebanyak RM46.38 billion. Defisit ini masih terlalu tinggi dan usaha untuk mengurangkan defisit ini perlu dipertingkatkan supaya pengaliran keluar wang negara dapat dikurangkan.

23. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kerana usaha Kementerian untuk memulakan pengeluaran bawang merah, mengeksport durian segar ke China dan memperluas tanaman nenas akan dapat menyumbang kepada pengurangan defisit perdagangan agromakanan negara dalam tempoh yang terdekat ini.

24. Dalam masa yang sama, Kementerian ini juga sedang giat meneroka pasaran baru di luar negara. InsyaAllah dalam tempoh terdekat ini — saya akan ke Russia untuk meneroka potensi baru bagi pasaran agromakanan negara. Sama-samalah kita berdoa agar misi ini akan mencapai kejayaan sepertimana yang kita harapkan.

KERJA SEPASUKAN TERAS KEJAYAAN, PERPADUAN ADALAH TIANG KEHARMONIAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

25. Mutakhir ini isu perkauman kembali dimainkan oleh sesetengah pihak untuk meraih populariti. Saya sendiri berpengalaman berdepan dengan isu ini sejak tahun 67 lagi

– ketika saya di sekolah rendah dan menengah. Kemudian isu ni kembali berkumandang pada tahun 87.

26. Kalau saya nak ceritakan kisah ini tentulah panjang tapi apa yang saya nak tegaskan di sini adalah – kita diajar oleh agama kita supaya berlumba-lumba melakukan kebaikan (fastabikhul khairat). Sejak merdeka, keharmonian kepelbagaian kaum telah menjadi identiti negara kita dan dicemburui oleh negara luar.
27. Justeru itu marilah sama-sama kita mempertahankan keharmonian ini supaya segala perancangan untuk mengukuhkan kembali ekonomi negara kita dapat berjalan dengan lancar dan dapat membuahkan hasil sepertimana yang rakyat harapkan.
28. Saya juga ingin menyeru kepada semua warga KPKM supaya kita semua bekerja sebagai sebuah pasukan.

Jika ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Jika ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

Bulat air kerana pembetung,
Bulat kita kerana muafakat.
Berpada kita teguh,
Bercerah kita roboh.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.

Alamak raya lagi,
Daun ketupat belum beli,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Habiskanlah makanan yang ada di sini.

Sekian, wabillah hi taufik wal hidayah,
Wassalammualaikum warahmatullah hi wabaraktuh.

Disediakan oleh:

Setiausaha Akhbar Kepada YB Menteri KPKM